



International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



GENDER DAN TRANSMISI BAHASA ANTARA GENERASI DALAM KALANGAN PELAJAR ETNIK BISAYA DI BEAUFORT, SABAH

*GENDER AND INTERGENERATIONAL LANGUAGE TRANSMISSION AMONG
BISAYA ETHNIC STUDENTS IN BEAUFORT, SABAH*

Md. Roslan Suhailin^{1*}, Arba'ie Sujud²

¹ Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: bakarihpalai@yahoo.com

² Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Email: arbaie@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.03.2020

Revised date: 07.04.2020

Accepted date: 09.05.2020

Published date: 05.06.2020

To cite this document:

Suhailin, M. R., & Sujud, A. (2020).
Gender dan Transmisi Bahasa
Antara Generasi Dalam Kalangan
Pelajar Etnik Bisaya Di Beaufort,
Sabah. *International Journal of
Education, Psychology and
Counseling*, 5 (35), 107-124.

DOI: 10.35631/IJEPC.5350011.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menentukan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan dan transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya berdasarkan gender. Penyelidik telah memilih 205 peserta kajian tingkatan 4, 5 dan 6 dari 3 sekolah menengah di daerah Beaufort, Sabah, iaitu 115 perempuan dan 90 lelaki. Kajian tinjauan lapangan dilaksanakan dengan menggunakan 2 jenis soal selidik yang diadaptasi daripada Drummond (2010) dan Fishman (1991). Data kajian dianalisis dengan menggunakan peratus, min, skala berperingkat dan statistik khi-kuasa dua. Hasil kajian tentang pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan kedua-dua kumpulan pelajar adalah pada kadar 25% bahasa Bisaya, bahasa Melayu 75%. Min pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan bagi kumpulan perempuan sebanyak 20.01 adalah lebih tinggi daripada min kumpulan lelaki, 19.98. Tahap transmisi bahasa antara generasi ibu bapa dan anak-anak yang dipilih oleh kedua-dua kumpulan pelajar ialah Gred 3, Terancam. Sebanyak 51.06% kumpulan lelaki dan 60.9% kumpulan perempuan telah memilih skala ini. Gred 3, Terancam ditafsirkan sebagai bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas. Ibu bapa masih boleh bercakap bahasa itu kepada anak-anak mereka tetapi anak-anak mereka biasanya tidak menjawab dalam bahasa Bisaya. Penyelidik menerima hipotesis nol bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam transmisi bahasa antara generasi berdasarkan gender. Faktor transmisi bahasa antara generasi merupakan penyebab utama bahasa terancam. Faktor ini telah diasaskan oleh Fishman (1991) yang diakui sebagai standard emas daya hidup bahasa oleh kumpulan pakar bahasa UNESCO.

Kata Kunci:

Gender, Transmisi Bahasa Antara Generasi, Domain Kekeluargaan, Etnik Bisaya

Abstract:

This study aimed to determine the use of language in the family domain and the intergenerational language transmission among Bisaya ethnic students by gender. Researchers selected 205 participants in form 4, 5, and 6 from 3 secondary schools in Beaufort, Sabah, of which 115 girls and 90 boys. A field survey was conducted using two types of questionnaires adapted from Drummond (2010) and Fishman (1991). Survey data made use of percentage, mean, graded scale, and chi-square statistics. It was found that the choice of language in the family domain from both groups of students was 25% Bisaya language, Malay 75%. The mean 20.01 for language choice in the family domain by the girl group was higher than those of the boy group, 19.98. The level of intergenerational language transmission between parents and children selected by both groups of students was Grade 3, Endangered. About 51.06% from the boy group and 60.9% from the girl group had selected this scale. Grade 3, Endangered is interpreted as the Bisaya language is used by most generations of parents and above. Parents can still speak the language to their children, but their children usually do not respond in Bisaya. The researchers accepted the null hypothesis that there was no significant difference in intergenerational language transmission based on gender. The intergenerational language transmission factor is a major cause of language endangerment. This factor was founded by Fishman (1991) which has been recognized as the gold standard of language vitality by the UNESCO language expert group.

Keywords:

Gender, Intergenerational Language Transmission, Family Domain, Bisaya Ethnic

Pendahuluan

Etnik Bisaya merupakan masyarakat peribumi di Sabah. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah (2015: 14), anggaran populasi etnik Bisaya di daerah Beaufort, Sabah hanya berjumlah 3, 886 orang. Pada masa kini, masyarakat Bisaya di Sabah beragama Islam. Sebelum kedatangan Islam, mereka mengamalkan kepercayaan animisme. Walaupun masyarakat Bisaya di Sabah kini menganut agama Islam masih terdapat pengaruh kepercayaan animisme dalam kehidupan golongan tua (Siti Aidah 2014: 76). Masyarakat Bisaya kebanyakannya tinggal di barat pekan Beaufort sepanjang Padas Damit, Selatan sungai Padas juga di kawasan penempatan dalam daerah Kuala Penyu (Dunn 1984: 245). Golongan tua masyarakat Bisaya masih menggunakan dialek Bisaya semasa berkomunikasi sesama mereka. Walau bagaimanapun, trend perkembangan pendidikan yang semakin pesat dan penghijrahan ke bandar menyebabkan sesetengah muda-mudi sudah tidak fasih bertutur bahasa Bisaya.

Kawasan penyebaran bahasa Bisaya di negeri Sabah bertumpu di kawasan pedalaman di barat Beaufort dengan koordinat geografinya 5° 20' 0" Utara, 115° 45' 0" Timur. Bahasa Bisaya di Sabah tergolong dalam keluarga bahasa Borneo Utara yang serumpun dengan bahasa Dusun. Bahasa Bisaya tidak serumpun dengan bahasa Bisaya/Visaya di Filipina. Maka adalah tidak

benar apabila kaum Bisaya Sabah dituduh berasal dari Filipina yang termasuk dalam kelompok etnik Philippines. Klasifikasi bahasa Bisaya Sabah dan klasifikasi bahasa Bisaya/Visaya Filipina yang berikut jelas menunjukkan kedua-duanya berbeza:

Bisaya Sabah


Austronesian > Malayo-Polynesian > North Borneo > Sabahan > Dusunic > Bisaya-Lotud.

Bisaya Cebu Filipina

Austronesian > Malayo-Polynesian > Greater Central Philippine > Central Philippine > Bisayan > Cebuan.

Daripada klasifikasi tersebut, Bisaya Filipina berasal dari rumpun "Central Philippine" cabang Bisayan, sedangkan bahasa Bisaya Sabah dari rumpun bahasa "North Borneo" cabang Sabahan dari rumpun Dusunic. Etnik Bisaya telah menetap bersama etnik Dusun di Sabah selama ratusan tahun dan telah menyerap banyak kosa kata daripada mereka, maka bahasa Bisaya kini bercampur dengan bahasa Dusun. Hal ini biasa terjadi juga dalam kalangan etnik Dusun yang banyak menyerap kosa kata bahasa Bisaya melalui perkahwinan campur (Harian Ekspres 2019).

Bahasa Bisaya dalam kajian ini dituturkan oleh masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah. Bahasa Bisaya tergolong dalam keluarga bahasa Borneo Utara (Lewis & Simon 2009: 16). Menurut keterangan Dunn (1984: 245), etnik Bisaya di Sabah kebanyakannya tinggal di daerah Beaufort dan Kuala Penyu. Dunn menggambarkan lokasi mereka di bahagian tengah dan lembangan sungai-sungai di Sabah yang mengalir ke Teluk Brunei. Kepadatan penduduk Bisaya di Sabah terletak di kawasan barat Pekan Beaufort di sepanjang Padas Damit, Gramma dan selatan Sungai Padas. Terdapat banyak kampung Bisaya di sepanjang Sungai Klias yang bercampur dengan perkampungan orang Dusun. Di pekan Kota Klias sendiri ramai yang menggunakan bahasa Bisaya Brunei. Di Pulau Labuan, penduduk Bisaya berasal daripada beberapa generasi leluhur. Etnik Bisaya ini juga mengaku ada ikatan hubungan dengan Bisaya di Limbang dan Sungai Klias. Hubungan sejarah antara etnik Bisaya di utara-barat Borneo dan kumpulan-kumpulan di Kepulauan Bisayan Filipina tidak jelas, walaupun kewujudan persaudaraan antara orang-orang Borneo dan Filipina adalah fakta yang telah lama diketahui. Majoriti penutur bahasa Bisaya di Sabah tinggal di Daerah Beaufort. Dunn ada mencatatkan persamaan linguistik antara bahasa Bisaya dan Dusun serta mengklasifikasikan Bisaya sebagai ahli keluarga bahasa Idahan. Satu-satunya kajian klasifikasi leksikostatistik terhadap bahasa Bisaya di daerah Beaufort, Sabah telah diusahakan oleh Smith pada tahun 1984. Perbandingan bahasa Bisaya (BA) di Beaufort (BT) dan daerah Kuala Penyu (KP) dalam tujuh perkataan menunjukkan bahasa yang rapat tanpa perbezaan dialek. Senarai perkataan dari Kerukan, Kuala Penyu (KP) dipilih mewakili hubungan bahasa dengan bahasa Dusun lain. Kaitan kata kognat dari kampung Bisaya dikemukakan pada Rajah 1 yang berikut.



Rajah 1: Hubungan Kata Kognat Kampung Bahasa Bisaya, Dua Kampung Bahasa Tatana dan Dua Kampung Dialek Kadazan Beaufort

Sumber: (Smith 1984: 29)

(BA = Bisaya; KP = Kuala Penyu; BT = Beaufort; TT = Tatana; KN₃ = "Kadazan" mewakili dialek Kadazan Beaufort)

Bahasa Tatana (TT) yang dituturkan oleh dua pertiga daripada penduduk daerah Kuala Penyu (KP) diwakili oleh dua perkataan dari Menunggang KP dan Bundu KP yang mempunyai 83 kata kognat. Bahasa Tatana di Menunggang KP dan Bundu KP kedua-duanya mempunyai hubungan 86 kata kognat yang tinggi dengan perkataan bahasa Bisaya yang diambil di kampung yang sama. Ini menunjukkan bahawa bahasa dua masyarakat itu telah meminjam kosa kata antara satu sama lain. Dengan menggunakan Bundu KP sebagai wakil, hubungan kata kognat bahasa Bisaya dengan dialek Kadazan Beaufort adalah lebih rendah sebanyak 77 (Smith 1984: 28-29).

Ethnologue (2017: 18) melaporkan bahawa bahasa Bisaya di Sabah tergolong dalam kategori Terancam (*6b-Threatened*) yang ditafsirkan sebagai 'terancam disebabkan penutur bahasa itu terutamanya generasi muda beralih menggunakan bahasa yang lebih dominan menyebabkan bahasa ibunda jarang digunakan dalam domain kekeluargaan dan persahabatan'. Peralihan daripada bahasa Bisaya kepada bahasa Melayu yang lebih dominan dalam kalangan generasi muda berbeza-beza dari satu kampung ke kampung lain bergantung pada keupayaan menangani tekanan dari luar dan dalam komuniti tempatan. Menurut Simon & Charles (2018: 1), status bahasa Bisaya di Sabah berada dalam kategori 'Terancam' bermaksud generasi dewasa menggunakan bahasa Bisaya sesama mereka tetapi tidak diturunkan kepada anak-anak menyebabkan bahasa Bisaya tidak stabil. Pada bila-bila masa ibu bapa boleh berhenti menurunkan bahasa mereka kepada anak-anak sebagai generasi muda. Kajian transmisi bahasa Bisaya oleh para pengkaji tempatan di Sabah setakat ini tidak memberangsangkan. Oleh sebab itu, belum ramai ahli masyarakat Bisaya tahu tentang maklumat semasa daya hidup bahasa Bisaya dalam Awan Bahasa Dunia (*World Language Cloud*).

Sorotan Karya

Kajian terhadap bahasa Sihan di Sarawak oleh Noriah & Nor Hasimah (2012) mendedahkan bahawa kebanyakan masyarakat Sihan termasuk golongan tua fasih bertutur bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu dihubungkan dengan perkembangan media elektronik dan gaya hidup yang lebih moden. Bahasa Melayu diperkenalkan kepada anak-anak kumpulan ini

apabila mereka pergi ke sekolah-sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa itu sebagai bahasa pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan etnik Sihan ialah penutur dwibahasa yang stabil kerana bahasa ibunda sangat stabil dan penggunaan bahasa lain adalah untuk tujuan instrumental. Penyelidik menyorot kajian Noriah & Nor Hashimah (2012) untuk menentukan sama ada kedudukan bahasa ibunda penutur dwibahasa yang diwakili oleh pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah sangat stabil dan penggunaan bahasa Melayu untuk tujuan instrumental.

Satu kajian tentang perubahan bahasa yang melanda generasi muda penutur dialek Melayu Sarawak di Kampung Demak Baru, Kuching, Sarawak telah dijalankan oleh Zuraini (2014). Hasil kajian mendapati kekerapan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa seharian menurut 98 remaja adalah sebanyak 19 orang (tinggi), 56 orang (sederhana) dan 23 orang (rendah). Hanya 4% remaja yang menggunakan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa pertama di rumah. Sebaliknya, penggunaan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pertama di rumah meningkat sebanyak 11%. Ibu bapa memilih berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu standard dengan anak-anak rentetan penetapan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewajibkan setiap pelajar mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai syarat kemasukan ke institut pengajian tinggi awam. Penyelidik menyoroti kajian Zuraini (2014) berdasarkan perubahan penggunaan bahasa pertama dalam domain kekeluargaan penutur remaja. Mereka kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu standard sebagai bahasa pertama di rumah.

Hasil kajian Noor Aina & Syeril (2016) mendapati bahawa bahasa yang dipilih oleh pelajar etnik Dusun di tingkatan 4 sewaktu berinteraksi dengan masyarakat dalam pelbagai situasi ialah dialek Melayu Sabah. Dialek Melayu Sabah digunakan sebagai bahasa perantara dan bahasa pilihan pada kadar 87%. Bahasa ibunda tidak dipraktikkan oleh kebanyakan pelajar sekalipun mereka bercakap dengan orang yang berasal daripada suku kaumnya. Lebih daripada itu, dialek Melayu Sabah juga menjadi bahasa pilihan utama ketika berinteraksi dalam situasi tidak formal. Sebanyak 83% pelajar memilih dialek Melayu Sabah apabila bercakap dengan jiran atau rakan daripada kaum lain. Berdasarkan hasil kajian ini, didapati bahawa penggunaan bahasa ibunda bukan lagi satu amalan rutin meskipun pelajar berada di rumah. Penyelidik menyorot kajian ini kerana kumpulan yang dikaji mewakili generasi remaja peribumi Sabah. Data kajian rintis mendapati ibu bapa generasi remaja etnik Bisaya yang dikaji menggunakan bahasa Bisaya pada tahap yang rendah apabila berkomunikasi dengan anak-anak di rumah. Pemerolehan bahasa pertama anak-anak pula kebanyakan masa bergantung pada input bahasa dalam domain kekeluargaan.

Satu kajian terhadap masyarakat Bisaya di Kampong Bebuloh, Brunei dan masyarakat Bisaya di Limbang, Sarawak telah dijalankan oleh Yabit (2019). Masyarakat Bisaya di Brunei amat akrab dengan masyarakat Dusun, tetapi sekitar akhir tahun 80-an dan 90-an mereka berasimilasi terus dengan masyarakat Melayu Brunei yang dianggap lebih berprestij. Oleh sebab itu, generasi yang berumur 30 tahun ke bawah kebanyakan mengamalkan budaya Melayu dan bertutur dalam bahasa Melayu. Secara perbandingan kadar perubahan bahasa Bisaya ke bahasa lain terutama bahasa Melayu agak sedikit perlahan di Limbang, Sarawak. Generasi muda masih menggunakan bahasa Bisaya dengan baik serta ramai ibu bapa mengatakan mereka menggunakan bahasa Bisaya di rumah. Ketegaran bahasa Bisaya di Limbang adalah disebabkan kawasan geografi. Situasi yang berlainan didapati terhadap etnik Bisaya yang telah menetap di Kota Kinabalu. Ramai dalam kalangan mereka menggunakan bahasa campuran Bisaya-Melayu. Ada juga yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa berkomunikasi dengan anak-anak di rumah. Kajian ini disoroti berdasarkan faktor geografi. Oleh sebab daerah Beaufort terletak di daerah pedalaman Sabah, ada kemungkinan ketegaran

geografi bentuk bumi membolehkan penggunaan bahasa Bisaya masih diamalkan dalam domain kekeluargaan.

Bahasa etnik Bidayuh yang tinggal di sepanjang perbatasan antara Sarawak dan Kalimantan Indonesia telah dikaji oleh Coluzzi et al. (2013). Dengan membandingkan jawapan daripada penutur generasi tua dan muda, Coluzzi dan rakan-rakan dapat menghasilkan penggunaan bahasa dan sikap mengikut perbezaan masa. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Bidayuh berada pada tahap 'tidak selamat' selepas dibandingkan data daripada generasi tua dan generasi muda. Hasil kaji selidik dalam kalangan etnik Bidayuh di bandar yang lebih tinggi taraf pendidikan menunjukkan kehilangan penggunaan bahasa Bidayuh pada kadar yang pantas. Kesimpulannya, bahasa Bidayuh hanya selamat di perkampungan etnik Bidayuh tetapi dalam kawasan bandar bahasa itu pada tahap terancam kerana pengaruh bahasa Melayu. Penyelidik merujuk kajian Coluzzi et al. (2013) yang mendapati bahasa ibunda masih selamat di perkampungan etnik yang menuturkan bahasa itu.

Arun (2016) telah mengkaji sikap terhadap bahasa Telegu dalam kalangan generasi kedua yang tinggal di London, United Kingdom. Arun meninjau, menemu bual dan menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan bahasa Telugu dalam domain kekeluargaan. Generasi kedua didapati mempunyai kemahiran bertutur bahasa Telugu meskipun mereka bergaul dengan kumpulan dominan yang berbahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan rakan-rakan yang sama bahasa menunjukkan mereka ialah dwibahasa subtraktif. Dengan kata lain, satu bahasa digunakan sebagai batu loncatan ke bahasa utama. Jenis dwibahasa subtraktif akhirnya akan menjadi penutur ekabahasa. Sorotan terhadap kajian Arun (2016) digunakan oleh penyelidik untuk meneliti faktor dwibahasa subtraktif sama ada terjadi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya yang dikaji.

Coluzzi et al. (2017) telah meninjau daya hidup bahasa Orang Asli di Pulau Carey sebagai variasi bahasa orang Asli Selatan. Daya hidup bahasa merujuk kepada jumlah dinamisme linguistik dalam masyarakat Orang Asli dan tahap hubungan dengan bahasa Melayu yang lebih dominan. Bahasa leluhur Orang Asli dikatakan terancam kerana semakin lama semakin kurang digunakan dalam domain kekeluargaan. Kosa kata bahasa leluhur Orang Asli di Pulau Carey beransur-ansur digantikan bahasa Melayu yang lebih dominan. Kajian Coluzzi et al. (2017) dipilih untuk menyokong dapatan bahawa penggunaan bahasa Bisaya dalam domain kekeluargaan beransur-ansur menunjukkan peralihan kepada bahasa Melayu.

Kajian Chong Shin et al. (2018) mendapati bahawa suku Penan Muslim di Kampung Jambatan Suai, Sarawak memilih bahasa Bintulu sebagai bahasa interaksi dalam domain kekeluargaan. Bahasa Penan hanya dikuasai oleh penutur daripada golongan tua. Hasil kajian ini memberi implikasi yang penting dalam isu memilih bahasa yang sinonim dengan agama Islam mengikut konteks Borneo Barat. Seakan-akan terdapat satu kelaziman dalam masyarakat bukan Melayu setelah beragama Islam akan memilih dialek Melayu setempat sebagai bahasa ibunda kerana dialek Melayu menampilkan identiti orang yang beragama Islam. Sorotan kajian Chong Shin penting kerana pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah beragama Islam seperti suku Penan Muslim. Hasil kajian ini mengetengahkan isu pemilihan bahasa yang sinonim dengan agama Islam berdasarkan konteks dan situasi.

Hasil kajian Noor Aina et al. (2019) adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan 120 pelajar etnik Dusun di Sabah. Mereka berumur 15 tahun dan telah belajar bahasa Dusun standard sejak di sekolah rendah. Skala berperingkat berserta gred dan tafsirannya digunakan untuk menilai transmisi bahasa

antara generasi ibu bapa dan anak-anak. Keputusan kajian menunjukkan transmisi bahasa Dusun antara generasi ibu bapa dan anak-anak berada pada Gred 2 yang ditafsirkan sebagai 'Sangat terancam'. Sebanyak 84 pelajar atau 70% memilih Gred 2. Data ini bermaksud bahasa Dusun kebanyakannya digunakan oleh generasi datuk nenek ke atas. Kurikulum yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab di Sabah nampaknya tidak berjaya menyemarakkan penggunaan bahasa Dusun dalam pertuturan seharian. Sehubungan itu, bahasa Bisaya amat rapat rumpunnya dengan bahasa Dusun. Penyelidik berpendapat hasil kajian terhadap bahasa Bisaya ada persamaan dengan dapatan kajian Noor Aina et al. (2019), terutamanya peranan bahasa ibunda sebagai bahasa pertuturan di rumah yang semakin merosot. Meskipun belum sampai ke tahap pupus, penggunaan seharian bahasa itu semakin kurang kerana komuniti penutur beransur-ansur beralih menggunakan bahasa Melayu. Faktor luaran seperti keperluan sosial boleh mencetuskan perubahan yang lebih luas daripada sekadar pengambilan leksikal bahasa Melayu ke dalam kosa kata bahasa Bisaya.

Kajian tentang gender dan pemerolehan bahasa telah dijalankan di Kolej Pendidikan Persekutuan Yola, Nigeria oleh Innocent (2014). Pengkaji ini menggunakan jenis pensampelan sistematik bagi memilih 20 responden lelaki dan 20 responden perempuan dari kelas Pra-NCE (*National Certificate of English*). Skor setiap kumpulan gender selepas enam minggu pengajaran dalam makmal bahasa dihitung menjadi skor standard untuk menjawab soalan penyelidikan dan menguji hipotesis nol. Soalan penyelidikan ialah "Apakah peranan yang dimainkan oleh gender dalam pemerolehan bahasa responden?" Hipotesis nol diuji pada tahap signifikan 5% ($P < 0.05$). Keputusan kajian menunjukkan tiada perbezaan statistik yang signifikan antara skor min responden lelaki dan perempuan dalam peperiksaan Fonologi Bahasa Inggeris. Oleh itu, hipotesis nol diterima oleh Innocent (2014). Implikasi kajian jelas menunjukkan gender tidak memainkan peranan penting dalam kadar pembelajaran atau pemerolehan bahasa kumpulan responden lelaki dan perempuan. Dari aspek sosial, andaian bahawa kaum wanita mengeksploitasi kelebihan yang ada pada mereka bukan sahaja dalam bidang pemerolehan bahasa malahan dalam semua bidang kehidupan adalah tidak benar. Wanita mempunyai kemahiran dan kualiti tertentu yang tiada pada lelaki dan begitu juga sebaliknya. Innocent (2014) menyimpulkan bahawa pemerolehan bahasa hanyalah salah satu kemahiran. Setiap kumpulan gender ada kelebihan dan kelemahan masing-masing. Ketidaksamaan dalam prestasi akademik menjadi jelas apabila individu atau kumpulan diberikan tugas tambahan. Penyelidik mengambil kira implikasi kajian Innocent yang mengatakan gender tidak memainkan peranan penting dalam kadar pembelajaran atau pemerolehan bahasa.

Soalan Kajian

1. Berapakah kadar peratus penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan pada hari biasa mengikut gender pelajar etnik Bisaya?
2. Maklumat apakah yang diperolehi daripada transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya berdasarkan gender?

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan oleh pelajar etnik Bisaya mengikut gender.
2. Menilai transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya yang dikaji berdasarkan gender.


Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam transmisi bahasa antara generasi berdasarkan gender.

Hipotesis nol: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam transmisi bahasa antara generasi berdasarkan gender.

Metodologi

Lokasi penyelidikan adalah di daerah Beaufort, Sabah yang terletak di kawasan pedalaman, iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Beaufort II, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Klias dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gadong. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana majoriti pelajar terdiri daripada etnik Bisaya dan ibu bapa mereka ialah penduduk asal dari beberapa penempatan di daerah Beaufort. Sebahagian besar penempatan masyarakat Bisaya di Sabah bertumpu di kawasan barat daerah Beaufort di sepanjang Sungai Padas, di selatan Pekan Weston dan di selatan Kuala Penyu (Aminah 2012: 5). Joshua Project (2019) menetapkan daerah Beaufort di Sabah sebagai kawasan "The Sabah Bisaya of Malaysia". Projek Joshua merupakan inisiatif penyelidikan yang bertujuan untuk mengenal pasti kumpulan etnik di dunia dengan pengikut Kristus paling sedikit. Rujuk Rajah 2.



Rajah 2: Lokasi Bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah

Sumber: (Joshua Project 2019)

Penyelidik menggunakan populasi yang terdiri daripada etnik Bisaya. Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dipilih bagi mendapatkan peserta kajian. Penyelidik telah memilih sebanyak 205 peserta kajian dari tiga buah sekolah menengah di daerah Beaufort, Sabah. Mereka ialah pelajar tingkatan 4, 5 dan 6 yang mewakili generasi muda etnik Bisaya. Jadual 1 memaparkan jumlah dan peratus peserta kajian dari setiap sekolah. Jumlah pelajar perempuan lebih ramai (115 orang atau 56.1%) berbanding pelajar lelaki (90 orang atau 43.9%) disebabkan komposisi kemasukan ke sekolah-sekolah tersebut.

Jadual 1: Profil Peserta Kajian

Gender	SMK Kota Klias		SMK Beaufort II		SMK Gadong		%	Total Responden
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
Lelaki	32	15.61	26	12.68	32	15.61	43.9	90
Perempuan	35	17.07	28	13.66	52	25.37	56.1	115
	67	32.68	54	26.34	84	40.98	100	205

Penyelidikan ini memanipulasikan kaedah tinjauan lapangan dengan 2 jenis soal selidik, iaitu pilihan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan dan penilaian transmisi bahasa antara generasi.

Gangguan Transmisi Bahasa Antara Generasi

Apa-apa yang kurang daripada memulihkan transmisi antara generasi hanya "*biding time*" atau menunggu masa kepupusan bahasa (Fishman 1991: 399). Bahasa menjadi terancam disebabkan kurangnya transmisi bahasa antara generasi dalam domain tidak rasmi dan sokongan kehidupan harian yang tidak formal (Fishman 1997: 190). Menurut Fishman, apabila bahasa tidak lagi digunakan di rumah, usaha untuk mempromosikannya di luar domain itu biasanya berakhir sebagai bahasa simbolik atau bahasa adat istiadat. Pengembangan penggunaan bahasa ke dalam domain baharu merupakan aspek penting dalam proses mengekalkan daya hidup bahasa ibunda daripada beralih kepada bahasa yang lebih dominan. Matlamat utama dalam usaha membalikkan peralihan bahasa adalah untuk memulihkan transmisi bahasa antara generasi dalam domain kekeluargaan sebagai bahasa utama dalam komunikasi ibu bapa dan anak-anak (Fishman 1991).

Meskipun bahasa ibunda dikatakan 'selamat', peringkat ini tidak menjamin daya hidup bahasa kerana pada bila-bila masa penutur mungkin berhenti menurunkan bahasa mereka kepada generasi baharu (Brenzinger et al. 2003: 7). Faktor transmisi bahasa antara generasi telah disarankan oleh Fishman pada tahun 1991. Faktor tersebut telah dimasukkan dalam model penilaian status dan daya hidup bahasa oleh panel pakar UNESCO pada tahun 2003. Fishman (1991: 355) mengatakan bahawa transmisi bahasa antara generasi ibu bapa dan anak mereka adalah penting demi kesinambungan bahasa ibunda. Fishman mentafsirkan enam peringkat pertama (1-6) sebagai kesinambungan sesuatu bahasa dikekalkan. Dua peringkat terakhir (7 & 8) ditafsirkan sebagai penutur dewasa tidak menurunkan bahasa kepada anak-anak mereka yang menyebabkan anak-anak beralih ke bahasa lain. Gangguan transmisi bahasa antara generasi dipaparkan pada Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Gangguan Transmisi Bahasa Antara Generasi

Peringkat	Penerangan
1	Bahasa ini digunakan dalam pendidikan, pekerjaan, media massa, kerajaan di peringkat nasional.
2	Bahasa ini digunakan untuk media massa tempatan dan serantau serta perkhidmatan kerajaan.
3	Bahasa ini digunakan dalam kerajaan tempatan dan serantau oleh orang dalam dan orang luar.

4	Literasi dalam bahasa ini disebarkan melalui pendidikan.
5	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan digunakan dengan berkesan dalam bentuk bertulis di seluruh komuniti.
6	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan sedang dipelajari oleh anak-anak sebagai bahasa pertama mereka.
7	Generasi dewasa mengetahui bahasa ini dengan cukup baik untuk berkomunikasi dengan orang tua mereka tetapi tidak menurunkan bahasa ini kepada anak-anak mereka.
8	Satu-satunya penutur bahasa yang tinggal ialah generasi keturunan nenek atau datuk.

Alat Kajian

Soal Selidik I: Soal selidik tentang pilihan penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan daripada sumber Drummond (2010: 233). Soal selidik tersebut mengandungi soalan “Yang manakah pilihan terbaik menggambarkan jumlah peratus bahasa Bisaya dan bahasa Melayu yang anda gunakan pada hari biasa di rumah?”

Soal Selidik II: Soal selidik penilaian transmisi bahasa antara generasi yang disarankan oleh Fishman (1991). Terdapat 6 skala pemeringkatan tahap transmisi bahasa antara generasi. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Transmisi Bahasa Antara Generasi

Skala	Gred	Populasi Penutur
Selamat	5	Bahasa ini dituturkan oleh semua generasi. Tidak ada tanda ancaman bahasa daripada bahasa-bahasa lain. Transmisi bahasa antara generasi tidak terganggu.
Tidak selamat	4	Kebanyakan tetapi tidak semua kanak-kanak atau keluarga masyarakat menuturkan bahasa ini sebagai bahasa pertama. Penggunaan bahasa ini terhad untuk keperluan sosial tertentu.
Terancam	3	Bahasa ini sudah tidak dipelajari sebagai bahasa ibunda oleh kanak-kanak di rumah. Penutur termuda ialah generasi ibu bapa. Pada peringkat ini, ibu bapa masih boleh bertutur dalam bahasa ibunda sewaktu bercakap dengan anak-anak mereka, tetapi anak-anak mereka biasanya tidak memberi respons dalam bahasa ini.
Sangat Terancam	2	Bahasa ini dituturkan hanya oleh datuk nenek dan generasi yang lebih tua; sementara generasi ibu bapa masih boleh memahami bahasa, mereka biasanya tidak bercakap menggunakan bahasa itu kepada anak-anak mereka.
Kritikal	1	Penutur termuda ialah generasi nenek-moyang dan bahasa ini tidak digunakan untuk interaksi

		seharian. Orang-orang tua sering ingat hanya sebahagian daripada bahasa ini tetapi tidak menggunakannya kerana tiada siapa yang bertutur dalam bahasa ini.
Pupus	0	Tidak ada orang yang dapat bertutur atau ingat bahasa ini.

Penganalisan Data

Soal selidik I diadaptasi daripada Drummond (2010: 233) dan mengandungi 5 jawapan pilihan sama ada A/B/C/D/E. Pelajar dikehendaki memilih satu jawapan sahaja.

A	100% Bahasa Bisaya, 0% Bahasa Melayu
B	75% Bahasa Bisaya, 25% Bahasa Melayu
C	50% Bahasa Bisaya, 50% Bahasa Melayu
D	25% Bahasa Bisaya, 75% Bahasa Melayu
E	0% Bahasa Bisaya, 100% Bahasa Melayu

Soal selidik II diadaptasi daripada UNESCO (2003: 7). Data kajian dianalisis menggunakan skala berperingkat berserta gred dan tafsirannya. Pelajar dikehendaki memilih satu skala sama ada Selamat/Tidak selamat/Terancam/Sangat terancam/Kritikal/Pupus. Jawapan kumulatif menentukan skala gangguan transmisi bahasa antara generasi. Selain tafsiran Fishman (1991) data kajian boleh juga ditafsirkan menurut pendapat Dwyer (2011: 2), iaitu 1-3 ialah domain bahasa, 4-5 ialah literasi, dan 6-8 ialah transmisi bahasa antara generasi. Statistik khi-kuasa dua SPSS dapat membuktikan sama ada hipotesis nol diterima atau ditolak.

Dapatan Kajian

Penggunaan Bahasa Ibunda dalam Domain Kekeluargaan Mengikut Gender

Satu faktor penentu dalam pilihan penggunaan bahasa ialah domain. Domain ialah konteks keadaan yang berkaitan dengan persekitaran sosial tempat sesuatu peristiwa bahasa berlaku. Antara kategori domain dalam kehidupan bermasyarakat yang disarankan oleh Teori Fishman (1971) ialah kekeluargaan. Fishman menegaskan bahawa persekitaran sosial yang berlainan memerlukan penggunaan bahasa yang berlainan. Penetapan pilihan satu bahasa berbanding yang lain bukan hanya terletak pada dimensi fizikal bahkan merangkumi aktiviti yang berkaitan dengan latar penggunaan bahasa mengikut konteks. Ragam bahasa dalam situasi tidak formal ialah ragam rendah yang digunakan seharian di rumah. Jadual 4 berikut ialah hasil kajian tentang pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan oleh pelajar etnik Bisaya yang dikaji.

Jadual 4: Pilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan Mengikut Gender

Soalan	L	%	P	%
Yang manakah pilihan terbaik menggambarkan jumlah peratus bahasa Bisaya dan bahasa Melayu yang anda gunakan pada hari biasa di rumah?				
A 100% Bahasa Bisaya, 0% Bahasa Melayu				
B 75% Bahasa Bisaya, 25% Bahasa Melayu			2	1.74
C 50% Bahasa Bisaya, 50% Bahasa Melayu	17	18.87	30	26.1
D 25% Bahasa Bisaya, 75% Bahasa Melayu	37	41.07	51	44.37
E 0% Bahasa Bisaya, 100% Bahasa Melayu	36	39.96	32	27.84
	90	100	115	100

Min 19.98 Min 20.01

Pilihan terbaik menggambarkan jumlah peratus bahasa Bisaya dan bahasa Melayu yang digunakan oleh kumpulan pelajar lelaki pada hari biasa di rumah adalah sebanyak 25% bahasa Bisaya, 75% bahasa Melayu. Jawapan ini melibatkan 37 pelajar lelaki atau 41.07%. Pilihan terbaik yang menggambarkan jumlah peratus bahasa Bisaya dan bahasa Melayu bagi kumpulan pelajar perempuan pada hari biasa di rumah adalah sebanyak 25% bahasa Bisaya, 75% bahasa Melayu. Jawapan ini melibatkan 64 pelajar perempuan atau 55.68%. Min pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan kumpulan pelajar perempuan sebanyak 20.01 adalah lebih tinggi daripada min kumpulan pelajar lelaki, iaitu 19.98.

Soalan Kajian 1

Berapakah kadar peratus penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan pada hari biasa mengikut gender pelajar etnik Bisaya?

Hasil kajian tentang pilihan bahasa dalam domain kekeluargaan kedua-dua kumpulan pelajar lelaki dan perempuan etnik Bisaya yang dikaji adalah pada kadar 25% bahasa Bisaya. Penggunaan bahasa Melayu lebih tinggi, iaitu 75%.

Transmisi Bahasa Antara generasi dalam Kalangan Pelajar Etnik Bisaya yang Dikaji Berdasarkan Gender

Berdasarkan data dalam Jadual 5 didapati tahap ancaman transmisi bahasa antara generasi antara ibu bapa dan anak-anak yang dipilih oleh kumpulan pelajar lelaki ialah Gred 3 (Terancam). Sebanyak 46 atau 51.06% pelajar lelaki memilih jawapan ini. Kumpulan pelajar perempuan juga memilih Gred 3 (Terancam). Jumlah pelajar perempuan yang memilih jawapan ini lebih tinggi daripada pelajar lelaki, iaitu 70 orang atau 60.9%. Pada tahap ancaman ini, bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas. Ibu bapa masih boleh bercakap bahasa itu kepada anak-anak mereka tetapi anak-anak mereka biasanya tidak menjawab dalam bahasa Bisaya.

Jadual 5: Transmisi Bahasa Bisaya Antara Ibu Bapa dan Anak

Faktor Transmisi bahasa Bisaya antara ibu bapa dan anak

Tahap	Gred	Populasi Penutur	L	%	P	%
Selamat	5	Bahasa Bisaya digunakan dalam semua peringkat usia, dari kanak-kanak dan ke atas.				
Tidak selamat	4	Bahasa Bisaya digunakan oleh sebilangan kanak-kanak dalam semua domain; digunakan oleh semua kanak-kanak dalam domain terhad.	22	24.42	20	17.4
Terancam	3	Bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas.	46	51.06	70	60.9
Sangat terancam	2	Bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi datuk nenek dan ke atas.	22	24.42	21	18.27

Kritikal	1	Bahasa Bisaya digunakan oleh segelintir orang, kebanyakan generasi moyang.	4	3.48
Pupus	0	Tiada penutur bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah.		
			90	100
			115	100

Hipotesis Kajian

Ujian bukan para metrik (*non-parametric tests*) faktor transmisi bahasa antara generasi antara ibu bapa dan anak-anak menghasilkan data berikut:

Kumpulan	Min	N	Sisihan Piawai
Lelaki	16.65	6	20.671
Perempuan	16.68	6	23.191
Statistik Khi-Kuasa Dua	Lelaki 1.000	Perempuan .667	
df	2	4	
Asymp. Sig.	.607	.955	

Nilai Asymp. Sig. (iaitu nilai-*p* statistik khi-kuasa dua) gender lelaki .607 dan gender perempuan .955 lebih daripada .05 (iaitu tahap alfa yang dikaitkan dengan tahap keyakinan 95%). Oleh itu, penyelidik membuat kesimpulan bahawa pemboleh ubah adalah bebas antara satu sama lain dan tidak terdapat hubungan statistik antara kategori pemboleh ubah gender lelaki dan gender perempuan. Penyelidik menerima hipotesis nol bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam transmisi bahasa antara generasi berdasarkan gender. Dapatan kajian ini menyokong kajian Innocent (2014) bahawa gender tidak memainkan peranan penting dalam kadar pembelajaran atau pemerolehan bahasa.

Soalan Kajian 2

Maklumat apakah yang diperolehi daripada transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya berdasarkan gender?

Transmisi bahasa antara generasi antara ibu bapa dan anak-anak berada pada tahap terancam. Bahasa Bisaya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas. Maklumat yang diperolehi daripada kumpulan pelajar lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 6: Dapatan Gangguan Transmisi Bahasa Antara Generasi

Peringkat	Penerangan	Tafsiran Dwyer 2011:2	
		Ya	Tidak
1	Bahasa ini digunakan dalam pendidikan, pekerjaan, media massa, kerajaan di peringkat nasional.	Domain bahasa	Tidak
2	Bahasa ini digunakan untuk media massa tempatan dan serantau serta perkhidmatan kerajaan.	Domain bahasa	Tidak

3	Bahasa ini digunakan untuk kerja tempatan dan serantau oleh orang dalam dan orang luar.	Domain bahasa	Tidak
4	Literasi dalam bahasa ini disebarkan melalui pendidikan.	Literasi	Tidak
5	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan digunakan dengan berkesan dalam bentuk bertulis di seluruh komuniti.	Literasi	Tidak
6	Bahasa ini digunakan secara lisan oleh semua generasi dan sedang dipelajari oleh anak-anak sebagai bahasa pertama mereka.	Transmisi bahasa antara generasi	Tidak
7	Generasi dewasa mengetahui bahasa ini dengan cukup baik untuk berkomunikasi dengan orang tua mereka tetapi tidak menurunkan bahasa itu kepada anak-anak mereka.	Transmisi bahasa antara generasi	Ya
8	Satu-satunya penutur bahasa yang tinggal ialah ahli generasi keturunan nenek atau datuk.	Transmisi bahasa antara generasi	Tidak

Huraian tafsiran gangguan transmisi bahasa intergenerasi pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah adalah berdasarkan Jadual 6. Kesenambungan bahasa Bisaya bergantung pada ibu bapa sama ada mereka menurunkan bahasa ibunda kepada anak-anak. Fishman (1991: 355) mentafsirkan enam peringkat pertama (1-6) sebagai kesinambungan sesuatu bahasa dikekalkan. Dua peringkat terakhir (7&8) ditafsirkan sebagai penutur dewasa tidak menyebarkan bahasa kepada anak-anak mereka yang menyebabkan anak-anak beralih ke bahasa yang lain. Peringkat 5&6 ialah prasyarat bahasa terancam punah. Dalam kes bahasa Bisaya, didapati enam peringkat pertama (1-6) tidak dipenuhi. Hal ini bermaksud tiada kesinambungan bahasa Bisaya daripada ibu bapa kepada anak-anak. Peringkat 5&6 ialah prasyarat bahasa terancam punah. Peringkat 7 adalah benar dalam masyarakat etnik Bisaya, iaitu generasi dewasa mengetahui bahasa ini dengan cukup baik untuk berkomunikasi dengan orang tua mereka tetapi tidak menurunkan bahasa itu kepada anak-anak mereka. Peringkat 5&6 ialah prasyarat bahasa terancam punah.

Data kajian boleh juga ditafsirkan menurut Dwyer (2011: 2) bahawa 1-3 ialah domain bahasa, 4-5 ialah literasi, dan 6-8 ialah transmisi bahasa antara generasi. Dalam kes bahasa Bisaya, secara keseluruhan, data kajian menunjukkan bahasa itu tidak digunakan dalam domain formal yang berfungsi sebagai ragam bahasa tinggi. Literasi bahasa Bisaya adalah asing bagi pelajar etnik Bisaya kerana tidak digunakan dalam pendidikan formal mahupun dalam komuniti Bisaya itu sendiri. Transmisi bahasa antara generasi adalah pada gred 3 (Terancam) kerana bahasa Bisaya hanya digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Bisaya dalam domain kekeluargaan di rumah. Penggunaan bahasa ibunda bukan lagi satu amalan rutin meskipun pelajar berada di rumah seperti dalam hasil kajian Noor Aina & Syeril (2016). Dapatan kajian menyokong kajian Zuraini (2014) bahawa perubahan

penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan penutur generasi remaja adalah disebabkan bahasa Melayu menjadi bahasa pertama. Min penggunaan kedua-dua bahasa tersebut lebih tinggi dalam kalangan pelajar perempuan jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Hasil kajian ini tidak selaras dengan penemuan Coluzzi et al. (2013) bahawa bahasa ibunda masih selamat di perkampungan etnik yang menuturkan bahasa itu. Dapatlah dikatakan bahawa kosa kata bahasa Melayu telah meresap ke dalam bahasa etnik, terutamanya leksikal yang berkaitan dengan dunia moden yang tiada rujukannya dalam bahasa Bisaya. Sehubungan itu, penyelidik sependapat dengan Arun (2016) bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan rakan-rakan yang sama bahasa menunjukkan mereka ialah dwibahasa subtraktif. Jenis dwibahasa subtraktif lazimnya berakhir sebagai penutur ekabahasa disebabkan mereka lebih memilih bahasa utama daripada bahasa ibunda sendiri. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Noriah & Nor Hashimah (2012) bahawa bahasa penutur dwibahasa adalah stabil sekiranya bahasa ibunda sangat stabil dan penggunaan bahasa lain adalah untuk tujuan instrumental. Sebaliknya, kumpulan pelajar lelaki dan perempuan etnik Bisaya yang dikaji menggunakan bahasa Melayu sebagai motivasi integratif. Hal ini terbukti dengan kadar peratus penggunaan bahasa Melayu dalam domain kekeluargaan kedua-dua kumpulan gender adalah 75% berbanding bahasa Bisaya yang hanya 25%.

Dapatan ini menyokong hasil kajian Yabit (2019: 78) bahawa kebanyakan generasi ketiga komuniti Bisaya bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Apabila diteliti dari corak perubahan tersebut, generasi muda mulai mengikut arus perubahan masyarakat lain untuk menuju ke satu identiti baharu. Yabit (2019) berpendapat bahawa masalah bahasa dan budaya masyarakat minoriti ialah soal keperluan, terutama yang berkaitan dengan sosioekonomi. Biasanya bahasa dan budaya masyarakat minoriti tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi menyebabkan masyarakat itu tidak mengamalkan bahasa dan budaya leluhur mereka. Hasil kajian juga selaras dengan kajian Noor Aina et al. (2019), iaitu bahasa ibunda telah hilang keistimewaannya sebagai bahasa pertuturan di rumah dalam kalangan generasi muda. Meskipun belum sampai ke tahap pupus, penggunaan seharian bahasa itu semakin menyusut kerana komuniti penutur beransur-ansur beralih menggunakan bahasa Melayu. Faktor luaran seperti keperluan sosial telah mencetuskan perubahan yang lebih luas daripada sekadar pengambilan leksikal bahasa Melayu ke dalam kosa kata bahasa ibunda. Hasil kajian ini memberi implikasi yang penting seperti yang pernah dikemukakan oleh Chong Shin et al. (2018: 77) bahawa pemilihan bahasa sinonim dengan agama Islam. Dalam hal ini adalah satu kelaziman masyarakat bukan Melayu setelah mereka beragama Islam akan memilih dialek Melayu setempat sebagai bahasa ibunda atas persepsi bahawa dialek Melayu menampilkan identiti orang yang beragama Islam.

Faktor yang sering digunakan dalam menilai daya hidup bahasa adalah sama ada atau tidak bahasa diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya (Fishman 1991). Faktor ini telah diasaskan oleh Fishman (1991) yang diakui sebagai 'standard emas' daya hidup sesuatu bahasa oleh kumpulan pakar bahasa UNESCO (2003). Penemuan Wibowo (2016) menjelaskan bahawa hambatan transmisi bahasa antara generasi menjadi penyebab utama bahasa terancam. Keputusan kajian jelas menunjukkan bahasa Bisaya sudah tidak dipelajari sebagai bahasa ibunda oleh kanak-kanak di rumah. Penutur termuda ialah generasi ibu bapa. Pada peringkat ini, ibu bapa masih boleh bertutur dalam bahasa ibunda sewaktu bercakap dengan anak-anak mereka, tetapi anak-anak mereka biasanya tidak memberi respons dalam bahasa itu. Data ini menunjukkan bahawa bahasa Bisaya ialah bahasa yang terancam yang berisiko pupus pada masa depan jika tiada usaha dilakukan untuk menghentikan peralihan yang berterusan ke arah bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Menurut pendapat Coluzzi et al. (2017), perkara penting yang perlu dipertimbangkan ialah tahap hubungan dengan ragam bahasa yang

dominan. Satu bahasa dikatakan terancam apabila semakin lama semakin kurang digunakan dalam domain yang menyusut, juga boleh dianggap terancam jika kosa kata dan strukturnya perlahan-lahan digantikan oleh ragam bahasa yang lebih dominan.

Penyelidik melihat pengaruh bahasa Melayu yang kuat dalam bahasa Bisaya, terutamanya dari sudut leksikal. Dalam kajiannya, Yabit (2019) mendapati bahawa bahasa Bisaya yang digunakan di Sabah merupakan kerabat bahasa Dusun. Walau bagaimanapun, transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan kumpulan pelajar perempuan dan lelaki etnik Bisaya di Beaufort, Sabah berada di tahap yang lebih baik jika dibandingkan dengan penemuan Noor Aina et al. (2019) tentang transmisi bahasa Dusun antara generasi pada Gred 2 yang ditafsirkan sebagai 'sangat terancam' yang bermaksud bahasa digunakan oleh kebanyakan generasi datuk nenek dan ke atas.

Kesimpulan

Menurut pendapat Sallabank (2010: 55), faktor yang paling penting ialah bahasa ibunda masih digunakan dalam domain kekeluargaan dan persahabatan. Sebaliknya, hasil kajian menunjukkan kadar peratus penggunaan bahasa Melayu sama ada dalam kumpulan pelajar lelaki mahupun kumpulan pelajar perempuan pada hari biasa di rumah adalah lebih tinggi daripada bahasa Bisaya. Transmisi bahasa Bisaya antara ibu bapa dan anak-anak adalah pada tahap Terancam (Gred 3). Bahasa ini tidak lagi dipelajari sebagai bahasa ibunda oleh kanak-kanak di rumah. Penutur termuda ialah generasi ibu bapa. Pada peringkat ini, ibu bapa masih boleh bertutur dalam bahasa ibunda sewaktu bercakap dengan anak-anak mereka, tetapi anak-anak mereka biasanya tidak memberi respons dalam bahasa itu. Penyelidik menerima hipotesis kajian bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam transmisi bahasa antara generasi berdasarkan gender. Namun secara logiknya, tahap pengetahuan kata bahasa ibunda dalam kalangan peserta kajian tidak sama kerana fenomena sociolinguistik menurut Dong (2014: 94) adalah disebabkan jenis struktur sosial, latar belakang budaya dan mentaliti pragmatik.

Rujukan

- Aminah Awang Basar. (2012). Bahasa Bisaya: Mengimbau Kajian Lampau. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/297734913>
- Aminah Awang Basar. (2015). Sikap Generasi Muda Terhadap Bahasa Melayu: Senario Di Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM)* September 2015, At Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Kuching, Malaysia. 11pg.
- Arun Yadla. (2016). *Maintaining the Heritage Language and Identity: The Case of The New Diaspora Telugus In London*. Doctor of Philosophy. Faculty of Arts, Law and Social Sciences: Anglia Ruskin University, United Kingdom.
- Brenzinger, M., Dwyer, M.A., de Graaf, T., Grinevald, C., Krauss, M., & Miyaoka, O. (2003). *Language Vitality and Endangerment*. Paris: UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages.
- Chong Shin, Hendrikus Mangku, & James T. Collins. (2018). Pemilihan Bahasa Komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 61-80.
- Coluzzi, P., Riget, P. N., Xiaomei., W. (2013). Language Vitality among the Bidayuh of Sarawak (East Malaysia). *Oceanic Linguistics*, 52(2), 375-395.
- Coluzzi, P., Riget, P. N., & Xiaomei., W. (2017). Language vitality among the Orang Asli of Malaysia: The Case of the Mah Meri on Telo' Gunjeng (Carey Island, Selangor). *International Journal of the Sociology of Language*, 244, 137-161.
- Dong Jinyu. (2014). Study on Gender Differences in Language Under the Sociolinguistics. *Canadian Social Science*, 10(3), 92-96.

- Drummond, R. (2010). *Sociolinguistic Variation in a Second Language: The influence of Local Accent on the Pronunciation of Non-native English Speakers Living in Manchester*. Doctoral Thesis. University of Manchester, England.
- Dunn, P. A. (1984). "The Bisaya language". In King, J. K. and King, J. W. (eds.) *Languages of Sabah: A Survey Report*. pp 245-250. The Australian National University.
- Dwyer, Arienne M. (2011). Tools and techniques for endangered-language assessment and revitalization. In *Vitality and Viability of Minority Languages*. New York: Trace Foundation Lecture Series Proceedings. 20pg.
- Ethnologue. (2011). Languages of the World. Bisaya, Sabah. Retrieved from <https://www.ethnologue.com/language/bsy/18>
- Fishman, J. A. (1971). *Language in Sociocultural Change*. California: Stanford University Press.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon, United Kingdom: Multilingual matters Ltd.
- Fishman J. A. (1997) Language, Ethnicity and Racism. In Coupland N., & Jaworski., A. (eds.) *Sociolinguistics*. pp 329-340. Palgrave, London: Modern Linguistics Series.
- Harian Ekspres. (2019). Dusunology. *Akhbar Harian Ekspres*, 11 Oktober 2019.
- Innocent, E. A. (2014). Gender and Language Acquisition. *Research on Humanities and Social Sciences*, 4(19), 73-79.
- Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah. (2015). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Kota Kinabalu: Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.
- Joshua Project. (2019). Bisaya Sabah. Retrieved from <https://joshuaproject.net/languages/bsy>
- Lewis, P. M., & Simons., G. F. (2009). *Assessing Endangerment: Expanding Fishman's Gids*. *Revue Roumaine de Linguistique*. Dallas: Summer Institute of Linguistics (SIL) International. pp1–30.
- Noor Aina Dani & Syeril Patrisia Kining. (2016). Impak Dialek Melayu Sabah ke atas Bahasa Ibunda Generasi Muda Etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2), 45 – 55.
- Noor Aina Dani., Norazlina Mohd. Kiram., Mohd. Ariffin Mohd. Arif., Kamarlin Ombi., Roslan Suhailin., Sharil Nizam Sha'ri., & Daisy Paul. (2019). Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 27(1), 1-12.
- Noriah Mohamed & Nor Hashimah Hashim. (2012). Language Vitality of the Sihan Community in Sarawak, Malaysia. *KEMANUSIAAN*, 19(1), 59–86.
- Sallabank, J. (2010). Language Endangerment: Problems and Solutions. *eSharp*, Special Issue: Communicating Change: Representing Self and Community in a Technological World (2010), pp. 50-87
- Simon, Gary F. & Charles D. Fennig. (eds.). (2018). *Ethnologue: Languages of the World*, Twenty-first edition. Dallas: Summer Institute of Linguistics (SIL) International. pp1. Online version: <http://www.ethnologue.com/cloud/bsy>
- Siti Aidah Lokin. (2014). Adat Resam dan Pantang Larang Suku Bisaya.76-108. Dalam (Panel Penulis). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, Kenneth D. (1984). The languages of Sabah: A tentative lexicostatistical classification. In Julie K. King and John Wayne King, *Languages of Sabah: A survey report*, 1-49. Canberra: Pacific Linguistics.
- UNESCO. (2003). UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages (Matthias Brenzinger, Arienne Dwyer, Tjeerd de Graad, Colette Grinevald, Michael Krauss,

- Osahito Miyaoka, Nicholas Ostler, Osamu Sakiyama, María E. Villalón, Akira Y. Yamamoto & Ofelia Zepeda). *Language Vitality and Endangerment*. Paris: UNESCO Intangible Cultural Unit, Safeguarding Endangered Languages.
- Wibowo, S. F. (2016). Pemetaan Vitalitas Bahasa-bahasa Daerah di Bengkulu: Pentingnya Tolok Ukur Derajat Kepunahan bagi Perlindungan Bahasa Daerah. *Ranah*, 5(2), 139-151.
- Yabit Alas. (2019). Tinjauan Awal: Revitalisasi Bahasa Bisaya di Perbatasan Brunei Darussalam dan Limbang Malaysia, Malaysia. *Jurnal Studi Kultural*, IV(2), 80-86.
- Zuraini Seruji. (2014). *Perubahan Sifat Leksikon Dialek Melayu Sarawak Mengikut Generasi Penutur*. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia, Malaysia.